

Latihan Medan Siswa Pertahanan Awam UMSKAL berjalan lancar

UB 25.7.2014 85

LATIHAN Medan Siswa dan Siswi Pertahanan Awam Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang diadakan di Pulau Papan berjalan lancar seperti yang dirancang.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali.

Seramai 50 anggota SISPA Semester 2, 20 anggota Semester 4 menyertai program itu manakala tujuh

anggota SISPA Semester 6 sebagai fasilitator.

Turut menyertai latihan itu ialah 15 anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), seramai 15 orang urusetia dan seorang pegawai tetap JPAM.

Program itu mendapat kerjasama padu daripada JPAM Labuan, Jabatan Laut Labuan, Jabatan Maritim Labuan, dan Jabatan Pelancongan Labuan.

Ismail berkata, program itu bertujuan melatih



ISMAIL bergambar kenangan bersama anggota SISPA UMS Labuan yang menyertai latihan di Pulau Papan.

anggota SISPA untuk menjadi 'first responden' terhadap masyarakat dan memupuk semangat kerjasama berpasukan.

Selain itu, untuk membentuk keyakinan diri peserta supaya berani berhadapan dengan situasi cemas dan melatih anggota SISPA supaya tahu cara menyelamatkan di air.

Pada hari pertama merupakan pergerakan semua peserta ke tapak latihan, mendirikan

khemah, taklimat dan 'ice-breaking'.

Peserta mula diajar latihan medik, menyelamatkan kecemasan dan simulasi. Peserta juga diajar cara-cara menyelamatkan di air selain aktiviti kayak yang diadakan pada hari kedua.

"Hari ketiga merupakan hari terakhir latihan. Semua peserta membuat persiapan untuk Majlis Penutupan Latihan Medan SISPA UMSKAL 2014," katanya.

Turut hadir Mejar

Bersekutu (PA) Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki dan Lt Muda (PA) Japli Siping (PPAD WP Labuan) serta Pengerusi SISPA UMSKAL 2011/2014, Mohd Kasman Tahip.

Ismail berkata, kem latihan seperti itu amat baik untuk diadakan kerana memberi banyak manfaat kepada peserta.

Beliau berharap agar ia berterusan supaya dapat menghasilkan lebih ramai sukarelawan muda untuk



ISMAIL (tengah) menerima cenderamata daripada Japli sambil diperhatikan Norazah.

berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

"Program yang dianjurkan itu sesuai dengan hasrat Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang mahu UMS

melahirkan lebih ramai mahasiswa yang bergiat aktif dalam bidang kesukarelawan sekali gus berbakti kepada agama, bangsa dan negara pada masa akan datang," katanya.



LATIHAN dalam kumpulan antara aktiviti yang dilakukan oleh anggota SISPA.